

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

CLINDAMYCIN



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Clindamycin adalah satu antibiotik yang digunakan dalam rawatan jangkitan yang disebabkan oleh organisma-organisma yang sensitif. Ini termasuk saluran pernafasan, kulit dan tisu lembut, darah dan saluran pembiakan. Ubat ini juga boleh digunakan secara topikal untuk merawat akne vulgaris.

BAGAIMANA saya mengambil/menyapu ubat?

Clindamycin (Oral):

Clindamycin boleh diambil dengan makanan atau susu untuk melegakan ketidakselesaan perut. Ambil setiap dos dengan satu gelas air penuh.

Semua antibiotik yang dipreskripsikan patut diambil sampai habis walaupun anda mungkin sudah rasa lebih baik atau simptom-simptom anda sudah reda kerana rawatan yang tidak mencukupi boleh mengakibatkan jangkitan berulang atau menyebabkan terjadinya rintangan terhadap rawatan. Namun, jika anda terdapat sebarang tindakan alahan seperti ruam, kebengkakan mata atau susah bernafas, hentikan pengambilan ubat dan menjumpai doktor anda.

Ubat-ubat mengandungi kaolin yang digunakan untuk rawatan cirit-birit akan mengurangkan kesan-kesan clindamycin. Jangan mengambil kaolin semasa rawatan clindamycin.

Clindamycin (Topikal):

Cuci tangan anda sebelum dan selepas menggunakan ubat.

Bersih dan keringkan kawasan yang mana anda menyapu topikal clindamycin. Sapu satu lapisan nipis ubat. Clindamycin topikal biasanya disapu satu atau dua kali sehari. Ikut arahan doktor anda.

Elakkan mata, hidung, mulut dan bibir anda semasa penyapuan clindamycin topikal. Cuci dengan air jika ubat terkena kawasan-kawasan tersebut.

Rawatan perlu diambil sehingga 3 bulan sebelum kesan-kesan ubat dapat dilihat. Jangan menghentikan penggunaan ubat walaupun anda tidak melihat keputusan dengan segera.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Clindamycin (Oral):

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sampai masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan mengambil dua dos pada waktu yang sama.

Clindamycin (Topikal):

Sapu dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa dan hanya menyapu pada waktu yang dijadualkan. Selangkan masa penyapuan ubat sekurang-kurangnya 12 jam.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut, hentikan pengambilan/penyapuan clindamycin dan jumpa doktor kecemasan dengan segera.:

- alahan (pembengkakan bibir, lidah, atau muka anda; sukar bernafas; tekak tertutup; atau kegatalan kulit); ruam; cirit-birit teruk atau kesakitan perut; kekuningan kulit atau mata; sedikit atau tiada penghasilan air kencing.

Kesan-kesan sampingan lain yang kurang teruk lebih mungkin berlaku. Terusksn pengambilan/ penyapuan clindamycin dan beritahu doktor anda jika anda mengalami mual, muntah, pengurangan selera makan, kepedihan perut atau ketidakselesaan atau rasa pahit dalam mulut anda.

Kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga berlaku. Beritahu doktor anda tentang sebarang kesan sampingan yang kelihatan luar biasa atau menyebabkan kesusahan.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Clindamycin (Oral):

Anda mungkin tidak boleh mengambil clindamycin atau anda mungkin memerlukan dos yang lebih rendah atau pemantauan yang khusus semasa rawatan sekiranya anda mempunyai sebarang penyakit yang berikut:

- penyakit hati, buah pinggang, perut atau penyakit usus.

Masih tidak diketahui sama ada clindamycin boleh mencederakan bayi dalam kandungan ibu. Jika anda sedang hamil, jangan mengambil ubat sebelum berbincang dengan doktor anda.

Clindamycin boleh dirembes masuk ke dalam susu ibu dan mempengaruhi bayi yang mengambil susu ibu. Jangan mengambil ubat ini tanpa berbincang dengan doktor dahulu jika anda sedang menyusui anak.

Clindamycin (Topikal):

Elakkan penyapuan clindamycin topikal ke kulit yang luka atau pedih. Ubat ini mungkin menyebabkan keadaan anda menjadi lebih teruk.

Elakkan penggunaan produk-produk topikal lain pada kawasan yang sama kecuali diarahkan oleh doktor anda untuk membuat demikian.

Semasa rawatan dengan clindamycin topikal, elakkan penggunaan pencuci, pewangi atau kosmetik yang bersifat kasar, abrasif atau yang menyebabkan kepedihan.

Clindamycin topikal tidak mungkin mencederakan bayi dalam kandungan ibu. Namun, jumpa doktor anda jika anda sedang hamil sebelum menggunakan clindamycin topikal.

Clindamycin topikal boleh dirembes masuk susu ibu dan mempengaruhi bayi yang mengambil susu ibu. Jangan menggunakan clindamycin topikal tanpa berbincang dengan doktor terdahulu sekiranya anda sedang menyusui anak.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari langsung.